

9 syarikat disenarai Best Under A Billion Forbes Asia 2025

Firma terpilih tunjuk daya tahan luar biasa, upaya menyesuaikan dengan pasaran

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Sembilan syarikat senaraian awam dari Malaysia berjaya menempatkan diri dalam senarai 'Best Under A Billion' Forbes Asia 2025.

Senarai tahunan itu mengiktiraf 200 syarikat kecil dan sederhana terbaik di rantau Asia Pasifik dengan pendapatan ta-

hunan kurang daripada AS\$1 bilion (RM4.23 bilion), yang menunjukkan prestasi cemerlang walaupun berdepan persekitaran ekonomi mencabar.

Malaysia muncul negara ketiga terbanyak dalam senarai itu di Asia Tenggara selepas Thailand (17 syarikat) dan Indonesia (10 syarikat).

Sembilan syarikat tempatan yang berjaya menembusi senarai itu ialah Able Global Bhd, Crescendo Corp Bhd, Frontken Corp Bhd, Hibiscus Petroleum Bhd, Hup Seng Industries Bhd, ITMAX System Bhd, Kerjaya Prospek Group Bhd, Pekat Group Bhd dan Scientex Bhd.

Menurut Forbes Asia, walaupun pertumbuhan rantau Asia Pasifik dijangka kekal perlahan berikutan ketegangan perdagangan, syarikat terpilih menunjukkan daya tahan luar biasa

dan keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran.

"Syarikat dari segmen tenaga boleh diperbaharui, kenderaan elektrik dan pusat data menunjukkan pertumbuhan kukuh hasil momentum industri yang semakin rancak," kata kenyataan itu, semalam.

Penyertaan melonjak

Senarai itu turut menyaksikan lonjakan penyertaan sektor perkhidmatan kewangan dengan 18 syarikat tersenarai, lebih dua kali ganda berbanding lapan syarikat pada tahun lalu.

Dalam masa sama, industri kecantikan, kebanyakannya dari Korea Selatan, turut menyerlah dengan 13 syarikat berjaya menempatkan diri dalam senarai tahunan ini.

Bagi Malaysia, sembilan syarikat yang terpilih mewakili pel-



Scientex antara sembilan syarikat senaraian awam Malaysia tersenarai 'Best Under A Billion' Forbes Asia 2025. (Foto hiasan)

bagai industri berpotensi tinggi termasuk teknologi, automasi, minyak dan gas, pembangunan hartanah serta pemprosesan makanan.

Secara keseluruhan, sebanyak 69 syarikat kembali tersenarai dalam edisi 2025 selepas turut berada dalam senarai tahun sebelumnya, menandakan konsistensi prestasi dan daya saing mereka.

Senarai 'Best Under A Billion', diperkenalkan pada 2002, dan sebelum ini pernah menampilkan syarikat Malaysia ternama seperti IOI Properties Group Bhd dan AirAsia sebagai antara peneraju rantau ini.

Ia turut menampilkan kejayaan terbesar beberapa syarikat terkemuka Asia.

Alumni yang terkenal termasuk syarikat teknologi iaitu Baidu, Alibaba dan Tencent serta pengeluar kereta, Geely Automobile dari China; syarikat perisian dan perkhidmatan perundangan dari India, Infosys dan Wipro, syarikat biofarmaseutikal, Biocon; pemaju hartanah runcit Thailand, Central Pattana; rangkaian makanan segera popular, Jollibee dari Filipina; serta pengeluar makanan dan minuman Taiwan, Want Want Holdings.